



Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik

Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad

sitinoraini1010@gmail.com, shima@ukm.edu.my, zaharani@ukm.edu.my

Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kebanyakan kajian dialek di Malaysia menggunakan kaedah tradisional bagi melakar sempadan dialek atau isoglos. Kaedah lakaran adalah tidak bersesuaian dengan kajian saintifik kerana hasil lakarannya membentuk lakaran yang tidak jelas dan kabur. Namun dengan perkembangan teknologi kini, sempadan dialek dapat dihasilkan dengan menggabungkan ilmu linguistik dan ilmu geografi. Makalah ini cuba memaparkan pola variasi dialek bagi leksikal [air] dan [menyusu] dengan membandingkan di antara generasi tua dan generasi muda di Perak Utara menggunakan pendekatan geolinguistik. Pengumpulan data dilakukan menerusi kajian lapangan di 38 buah kampung di kawasan Perak Utara. Data tersebut kemudiannya ditranskripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan GIS. Negeri Perak yang bersempadan dengan Kedah di sebelah barat laut, Selatan Thailand di sebelah utara dan Kelantan di timur laut telah menghasilkan campuran dialek-dialek Melayu, terutamanya di bahagian utara Perak. Perbezaan dialek di negeri-negeri jiran menjadi pengaruh utama pada dialek Melayu negeri Perak. Buktinya, untuk leksikal [air] terdapat 13 varian dan bagi leksikal [menyusu] terdapat 18 varian yang dituturkan di Perak Utara. Hal ini jelas menunjukkan bahawa faktor geografi, demografi, sempadan, sikap dan migrasi menjadi faktor penentu berlakunya variasi leksikal dan penyebarannya di kawasan penyelidikan tersebut.

Kata kunci: Dialek, GIS, geo-linguistik, variasi leksikal, isoglos

Abstract

Most studies of dialects in Malaysia using traditional methods in drawing the boundaries of dialects or isogloss. This method is no longer suitable for drawing scientific research as it can cause the sketches to be vague and ambiguous. But with the advancement in technology today, the dialect boundaries can be generated by combining linguistics and geography. This paper attempts to show a dialect variation of lexical [air] 'water' and [menyusu] 'suckle' by comparing between the older generation and the younger generation in the northern of Perak by using the geo-linguistics approach. The data were collected through field survey in 38 villages in northern Perak. The data is then transcribed and analyzed using GIS approach. Perak is bordered by Kedah in the north-west, Southern Thailand the north and Kelantan in north east shows a mixture of Malay dialects, especially in the northern part of Perak. Dialect differences in neighboring states are the primary influence on the dialects of Perak. Evidently, there are 13 variants of lexical [air] 'water' and 18 variants of lexical [menyusu] 'suckle' found in the northern Perak. This clearly shows that the geographic, demographic, boundaries, attitudes and migration are the contributing factors to the occurrence of lexical variation and distribution in the research area.

Keywords: Dialect, GIS, geo-linguistics, lexical variation, isogloss

1. Pengenalan

Perbezaan bahasa antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain telah mewujudkan keunikan yang tersendiri terhadap sesuatu bahasa. Keunikan ini telah menarik minat ramai pengkaji bahasa membuat penyelidikan. Perbezaan bahasa ini dikenali sebagai kelainan dialek. Istilah dialek berasal daripada perkataan Yunani *dialektos* iaitu 'manner of

speech'. Di Yunani terdapat perbezaan kecil di dalam bahasa yang digunakan oleh penduduknya masing-masing, tetapi perbezaan kecil itu sukar difahami sehingga menyebabkan mereka merasa mempunyai bahasa yang berbeza (Meillet, 1967).

Ayatrohardi (1979) mentakrifkan dialek sebagai sistem kebahasaan yang dipergunakan oleh satu-satu masyarakat untuk membezakannya daripada masyarakat lain yang bertetangga, yang mempergunakan sistem yang berlainan, walaupun erat hubungannya. Manakala Mario A. Pei (1960) telah mendefinisikan dialek sebagai variasi daripada sesuatu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk-bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk standard baik dari segi sebutan, tata bahasa mahupun penggunaan kata-kata tertentu, tetapi kelainan tersebut tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Dengan ini dapat dinyatakan bahawa dialek adalah variasi bahasa yang dituturkan oleh sekelompok penutur tertentu dan di kawasan yang tertentu yang melampaui sempadan politik. Walaupun wujudnya perbezaan dialek di kawasan-kawasan tersebut, tetapi kadar kesalingfahaman terhadap semua dialek adalah tinggi. Malah penyebaran semua dialek masih menunjukkan kesinambungan yang ketara walaupun sebutannya berbeza.

Namun begitu, kebanyakan penutur dialek di sesebuah kawasan tertentu telahpun memperlihatkan peralihan atau penipisan bahasa iaitu dari dialek kepada bahasa standard, bahasa yang dominan, bahasa yang berprestij dan sebagainya. Menurut Teo Kok Seong (2000), peralihan bahasa adalah merujuk kepada kehilangan kecekapan berbahasa secara perlahan-lahan di kalangan penutur-penutur natif sesuatu bahasa itu. Akibatnya, para penutur natif bahasa berkenaan boleh menjadi kurang cekap atau tidak mahir langsung dalam menggunakannya. Ini antara lain, adalah kerana konteks penggunaan bahasa natif itu sudah menjadi semakin kurang dan hanya digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga dan rakan-rakan sahaja. Fenomena ini sekiranya tidak diberi perhatian pastinya akan membawa kepada gejala kepupusan bahasa ataupun dialek.

Gejala peralihan atau penipisan bahasa pada masa kini sangat menyerlah di kalangan penutur yang menuturkan dialek bagi sesuatu kawasan-kawasan tertentu. Ini kerana kebanyakan dialek yang dituturkan oleh warga tua sudah tidak lagi kedengaran digunakan oleh remaja ataupun kanak-kanak. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti demografi, bentuk muka bumi, ekonomi, politik, sosial, perkahwinan campur dan juga sikap penutur itu sendiri (Teo Kok Seong, 2000).

Oleh itu, makalah ini akan menghuraikan pola peralihan dialek di Perak Utara dengan membandingkan antara dialek yang dituturkan oleh generasi tua dan generasi muda bagi leksikal [air] dan [menyusu] dengan menggunakan GIS (Sistem Maklumat Geografi).

2. Kajian Lepas

Kajian dan penelitian mengenai dialek geografi sememangnya telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antara pengkaji yang membincangkan perihal dialek ialah Ismail Hussein (1973) melihat dialek Melayu di Semenanjung, Raja Mukhtaruddin (1986) dialek Perak, Asmah (1993) pula melihat semua dialek di Malaysia dan M. Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A. H (2011) memperihalkan dialek Melayu Pahang. Kesemua pengkaji ini memperihalkan kajian dialek geografi secara umum dan menyeluruh dari sudut fonologi, leksikal dan sintaksis.

Selain itu, Collins (1983), Harun Mat Piah (1983), Ajid (1985), Rohani (2003) dan Sharifah Raihan (2013) juga turut membincangkan perihal dialek geografi tetapi kajian mereka lebih spesifik kerana menumpukan kepada satu-satu kawasan pengamatan sahaja. Contohnya, Collins (1983) memfokuskan kajian di kawasan Ulu Terengganu dan membuat penelitian fonologi dan morfosintaksis di kawasan tersebut. Harun Mat Piah (1983) melihat aspek sistem bunyi dialek Rawa yang dituturkan di daerah Gopeng, Perak. Manakala, Ajid (1985) pula membuat penelitian dan penyelidikan berkenaan fonologi dan morfologi di daerah Pasir Mas, Kelantan. Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Rohani Mohd. Yusof (2003) yang melakukan kajian dialek geografi di Kuala Kangsar. Manakala, Sharifah Raihan (2013) pula hanya memfokuskan kajiannya di Kota Samarahan dan melihat aspek fonologi bagi kajian perubahan peninggian vokal iaitu, perubahan vokal rendah menjadi vokal tinggi dalam dialek Melayu Sarawak dengan menggunakan teori Optimaliti. Didapati kajian yang dilakukan oleh Collins (1983), Harun Mat Piah (1983), Ajid (1985), Rohani (2003) serta Sharifah Raihan (2013) dilihat lebih khusus dan tidak bersifat umum seperti yang dilakukan oleh Ismail Hussein (1973), Raja Mukhtaruddin (1986), Asmah (1993) dan M. Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A. H (2011).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian dialek sebelum ini tidak mengambil kira maklumat geografi dalam membuat pemetaan isoglos. Contohnya, pemetaan yang dilakukan oleh Ajid (1985) bagi bunyi-bunyi vokal, konsonan

dan leksikal pada peta daerah Pasir Mas. Beliau didapati tidak sedikit pun menyentuh ciri-ciri geografi di daerah itu dalam kajiannya. Malahan, pemetaan isoglosnya lebih bersifat tradisional dan banyak melakukan penyenaraian. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Collins (1983), Harun Mat Piah (1983), Rohani (2003) serta Sharifah Raihan (2013).

Namun dengan perkembangan teknologi, kini pemetaan isoglos yang bersifat saintifik dapat dihasilkan menggunakan GIS iaitu Sistem Maklumat Geografi. Kajian bersifat multi-disiplin ini adalah gabungan bidang geografi dan linguistik. Dan kebanyakan pengkaji luar cenderung melakukan kajian sebegini. Contohnya, kajian yang dibuat oleh Onishi (2010), Cheewinsiriwat (2011) dan Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011a,b). Penulis mendapati tidak ada lagi pengkaji bahasa di negara ini membuat penyelidikan dialek menggunakan *Geographic Information System (GIS)*. Sistem Maklumat Geografi ini dilihat dapat membantu pengkaji bahasa dalam memetakan isoglos dengan lebih tepat dan rasional. Hal ini telah terbukti dengan kajian-kajian yang dilakukan di luar negara yang menggunakan GIS dalam kajian dialek geografi mereka. Antaranya, kajian oleh Teerarojanarat dan Tingsabadh (2011a) yang berhasil melakarkan peta penyebaran 170 unit semantik dialek Thai tengah menggunakan teknik lapisan (*overlay*). Contohnya seperti gambarajah di bawah:




Figure 7. An overlay map of 170 isoglosses shading with the percentage of Central Thai usage in 10 levels

Contoh lakaran kasar isoglos menggunakan GIS

Sementara itu, boleh dikatakan kesemua kajian dialek yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini tidak membincangkan perihai peralihan dialek yang berlaku dalam dialek di Perak Utara khususnya. Walau bagaimanapun, mungkin ada kajian tetapi tidak dinyatakan secara langsung fenomena peralihan dialek yang terjadi. Oleh itu, kajian ini dibuat adalah untuk melihat pola peralihan dialek yang berlaku di Perak Utara di antara generasi tua dan generasi muda. Di samping pengaplikasian GIS yang dilihat dapat menghasilkan satu dapatan baru yang lebih autentik sifatnya seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di atas.

3. Metodologi

Kajian ini memberi tumpuan kepadapolaperalihandialekbagileksikal [air] dan [menyusu] di Perak Utaramenggunakanpendekatan GIS.Kajian hanya melibatkan kawasan Perak Utara iaitudi daerah Larut Matang Selama dan daerah Hulu Perak sahaja. Ini kerana kawasan utara Perak didapati memperlihatkan berlakunya kerencaman pelbagai dialek Melayuseperti adanya pengaruh dialek Kedah, Melayu Patani, Kelantan dan Perak asli. Pemaparan data akan dibuat satu persatu dan menyusun dari tahap pencarian jumlah varian bagi kedua-dua leksikal tersebut dan diikuti oleh pemetaan isoglos yang diperolehi melalui pendekatan GIS. Dapat diperhatikan wujudnya perbezaan penggunaan dialek di antara generasi tua dan generasi muda bagi leksikal[air] dan [menyusu] kerana dipengaruhi olehbeberapa faktor. Ini kerana, keadaan bentuk muka bumi negeri Perak telah mewujudkan kepelbagaian dialek Perak yang berbeza-beza. Selain itu,faktor demografi, sempadan, sejarah, ekonomi, migrasi dan sikapjuga menjadi faktor penentu berlakunya variasi leksikal dan penyebarannya di kawasan tersebut.

Kajian ini melibatkan informan. Oleh itu, perancangan yang betul untuk mendapatkan sumber yang boleh dipercayai adalah penting. Kajian ini mempunyai responden utama yang dipilih dari sub-daerah dan kampung-kampung tertentu. Berikutan itu, satu kajian awal telah dilakukan. Pengkaji mendekati ketua daerah yang dikenali sebagai Penghulu untuk menentukan penutur asli Melayu. Penghulu akan menghubungi ketua kampung untuk mengenal pasti penutur dialek Perak. Telah diketahui bahawa migrasi dalam kalangan orang-orang di kepulauan Melayu adalah berubah-ubah dan kesannya mewujudkan banyak sub-etnik Melayu seperti Rawa, Kerinci, Jawa, Banjar yang bercakap berbeza daripada orang Melayu. Penduduk tersebut dikecualikan daripada menjadi responden kajian ini. Pendatang dari Patani dimasukkan kerana mereka telah berada di Tanah Melayu telah lama dan mereka menggelar diri mereka sebagai Melayu Patani.Mereka bertuturdalam bahasa Melayu Patani dengan dipengaruhi oleh dialekSelatan Thailand dan Kelantan (timur Malaysia).Dialek mereka adalah difahami dan juga difahami oleh kawasan kejiranan.

Dengan bantuan pakar demografi, 38 buah kampung telah dipilih yang merangkumi kawasan Perak Utara. Persampelan dilakukan dengan terdiri daripada dua kategori umur iaitu generasi tua dan generasi muda yang dipilih daripada penutur asli Melayu. Temu bual dan soal selidik adalah alat yang berguna untuk mengumpul data.Sekumpulan 40 orang pelajar bahasa telah dipilih untuk menjalankan temu bual.Mereka dilengkapi dengan pengetahuan fonetik.Mereka diiringi oleh ketua kampung untuk memastikan keselamatan mereka adalah terjamin. Sebanyak 200 senarai perkataan yang mewakili perkataan Melayu yang paling kerap dipilih dan ditemubual.Selain daripada senarai perkataan, pengkaji juga telah mengutip latar belakang yakni biodata daripada responden termasuklahmaklumat topografi kampung.Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada pengumpulan data dibuat.Ia menunjukkan bahawa maklumat topografi terbukti memberi sumbangan penting kepada penyebaran sub-dialek di kawasan kajian. Ia juga menunjukkan bahawa senario peralihan leksikal [air] dan [menyusu] wujud dengan ketara di antara 38 kampung tersebut. Selain perbezaan usia, maklumat topografi seperti sungai, tanah tinggi memainkan peranan penting dalam merentas kepelbagaian dialek yang wujud di Perak Utara.



Rajah 2. Lokasi kajian Lapangan




Rajah 3. Maklumat topografi kawasan kajian

Setelah selesai pengumpulan data, penyelidik akan memindahkan data ke dalam program Microsoft Office Excel. Semua perbezaan yang dikenal pasti disenaraikan dalam Microsoft Office Excel. Setelah melengkapkan data, data sekali lagi dipindahkan, dan kali ini ke dalam perisian ArcGIS Tools.


Sistem Maklumat Geografi (GIS) adalah satu perisian yang mampu untuk menggabungkan data linguistik bersama-sama dengan Alat Analisis Spatial. Teknik-teknik berasaskan penggunaan alat GIS adalah untuk mengintegrasikan pendekatan konvensional bahasa dan membantu kita untuk menghasilkan isoglos yang lebih sistematik bagi sub-dialek yang dituturkan di PerakUtara. Kelebihan menggunakan GIS yang bukan sahaja maklumat topografi seperti trafik, ketinggian dan kampung-kampung, tetapi juga data statistik seperti demografi dan taburan hujan yang boleh dilihat pada peta bersama dengan data pengedaran dialektologi dan dengan mengulangi sekerap dan membina banyak data boleh disahkan bersama-sama (Onishi 2010). Dalam kajian ini, ia dapat menunjukkan pola penipisan leksikal yang wujud, dan juga melihat ciri-ciri ruang kawasan di mana bentuk-bentuk baru leksikal berkembang.

11

hailand di utara dan
utamanya di bahagian
sub-dialek di kawasan
ani dan dialek Perak.
/je/, /qjaŋ/, /qj/, /ae/,
/bagiteʔ/, /isaʔteʔ/,
. Taburan varian bagi
kawasan GIS seperti di



Peta 1. Varian [air] keseluruhan di Perak Utara



Peta 2. Varian [menyusu] keseluruhan di Perak Utara

Kedua-dua peta di atas menunjukkan taburan bagi leksikal [air] dan [menyusu] yang dituturkan di Larut Matang Selama dan Hulu Perak tanpa membandingkan di antara dua generasi iaitu generasi tua dan generasi muda. Pelbagai varian hadir bagi kedua-dua leksikal ini yang jelas memperlihatkan wujudnya pengaruh pencampuran dialek-dialek Melayu. Ini adalah kerana ciri-ciri kedudukan Larut Matang Selama dan Hulu Perak (Nor Hashimah et. al (2013) adalah:

- i. Bersempadan dengan Kedah (di sebelah barat), Selatan Thailand (di utara) dan Kelantan (di sebelah timur).
- ii. Pelbagai tanah tinggi yang terbahagi kepada dua zon. Sebelah menghadap Kedah dan lain-lain menghadap Selatan Thailand dan Kelantan.
- iii. Sebatang sungai yang besar yang dikenali sebagai Sungai Perak berasal dari Hulu Perak dan berakhir di zon selatan (Lenggong dan Kuala Kangsar). Kawasan ini merupakan kawasan tanah rendah.
- iv. Sebuah tasik besar di timur Hulu Perak membentuk kawasan besar tanah lembap dan sangat sedikit penduduknya. Kebanyakan penduduk di kawasan ini adalah orang Asli.
- v. Kawasan yang besar di utara Perak terutamanya di sebelah barat dipengaruhi oleh dialek utara. Ini telah dibuktikan oleh Asmah (1993). Sub-daerah terdiri daripada Taiping, Bagan Serai dan Bukit Gantang.

Manakala bentuk kawasan Lenggong dipengaruhi oleh dialek Perak di selatan dan Melayu Patani dan Kelantan di utara dan timur.

Disebabkan itu, maka munculnya leksikal /qjaʃ/, /qj/, /ɛ/ dan /a/ bagi [air] dan /gɔmbaj/, /gɔmben/, /bəgɔben/, /bəgɔmen/, /bəɣɔmbaj/ dan /məŋɔpɛʔ/ bagi leksikal [menyusu] yang jelas memperlihatkan hadirnya pengaruh dialek Melayu Patani, dialek Kedah, dialek Kelantan dan dialek Perak asli.

Jadual 1. Taburan varian [air] di Perak Utara

Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- ɛ	25%	50%
L2- qjɔ	25%	25%
L3- ae	50%	75%
L4- qj	25%	0%
L5- qjaʃ	50%	0%
L6- qjɛ	0%	75%
L7- air	0%	50%
L8- qje	0%	50%

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat lapan (8) varian yang paling menonjol digunakan di kawasan Larut Matang Selama dan Hulu Perak bagi merujuk kepada leksikal [air] iaitu /ɛ/, /qjɔ/, /ae/, /qj/, /qjaʃ/, /qjɛ/, /air/ dan /qje/. Namun begitu, hanya leksikal /ɛ/, /qjɔ/ dan /ae/ sahaja yang digunakan di kedua-dua daerah tersebut. Manakala, varian /qj/ dan /qjaʃ/ hanya hadir di Larut Matang Selama sahaja iaitu dengan peratusan sebanyak 25% dan 50%. Dan varian /qjɛ/ (75%), /air/ (50%) dan /qje/ (50%) banyak ditemui di kawasan Hulu Perak sahaja. Data dalam jadual 1 memaparkan kehadiran pelbagai varian bagi leksikal [air] yang ditemui di Perak Utara.

Kehadiran varian /ɛ/, /qjɔ/ dan /ae/ di kedua-dua kawasan iaitu Larut Matang Selama dan Hulu Perak jelas memperlihatkan kerencaman dialek yang berlaku di Perak Utara. Keadaan ini terjadi disebabkan kedudukan geografi Perak Utara itu sendiri yang bersempadan dengan negeri-negeri lain dan juga faktor migrasi. Kebanyakan penduduk di Perak Utara berasal dari pelbagai kawasan dan yang paling dominan adalah migran dari Selatan Thailand, Kelantan dan Kedah. Kemasukan migran ini adalah disebabkan oleh perkerjaan, perkahwinan dan sebagainya. Ini terbukti di mana, varian /ɛ/ yang dituturkan oleh penduduk di kedua-dua kawasan ini jelas menunjukkan wujudnya pengaruh dialek Melayu Patani (Ruslan, 2011). Menurut Nuwairi (2003) dialek Melayu Patani masih merupakan medium yang digunakan dalam banyak hal di kalangan penutur daripada berbilang lapisan sosial malah dialek itu menjadi medium komunikasi harian di kalangan masyarakat setempat. Kawasan yang dimaksudkan itu adalah seperti sepanjang laluan sempadan Thailand-Gerik-Lenggong (termasuk Lenggong-Sumpitan-Batu Kurau) – Sauk-Padang Rengas-Changkat Ibol-Air Kuning, membawa ke Batu Kurau-Selama dan sempadan Kedah. Gejala dialek Melayu Patani ketara pada tahap fonologi, leksikal, frasa dan ayat dalam dialek yang dituturkan di kawasan ini.

Manakala, varian /qjɔ/ pula menggambarkan identiti dialek Perak asli. Walaupun kawasan ini jauh dari daerah yang menuturkan dialek Perak asli namun, ia tidak menghalang penggunaan dialek ini oleh sesetengah penduduk di kawasan tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat mengekalkan identiti dialek Perak walaupun terpaksa bersaing dengan pelbagai dialek yang ada di kawasan itu. Begitu juga dengan varian /qj/ dan /qjaʃ/ yang jelas menunjukkan hadirnya pengaruh dialek Kelantan dan dialek Kedah. Penggunaan /qj/ dan /qjaʃ/ ketara digunakan di kawasan Larut Matang Selama. Ini kerana kedudukan daerah ini yang hampir dengan negeri Kedah. Malahan, Asmah (1993) ada menyatakan bahawa sebahagian besar bahagian utara Perak merupakan kawasan taburan dominan dialek Kedah. Perkara ini juga pernah ditegaskan oleh Ismail Hussein dalam tahun 1973. Manakala, kawasan kampung yang terletak di sebelah timur Hulu Perak seperti Kampung Relang adalah kawasan yang banyak menerima pengaruh dialek Kelantan.

Jadual 2. Taburan varian [menyusu] di Perak Utara

Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- <i>ɲusu</i>	75%	100%
L2- <i>baɣiteʔ</i>	25%	50%
L3- <i>məɲusu</i>	50%	100%
L4- <i>məneteʔ</i>	25%	50%
L5- <i>nenən</i>	0%	25%
L6- <i>susu</i>	0%	25%

Bagi leksikal [menyusu] pula didapati kedua-dua daerah iaitu Larut Matang Selama dan Hulu Perak menggunakan varian /*ɲusu*/, /*baɣiteʔ*/, /*məɲusu*/ dan /*məneteʔ*/. Manakala, /*nenən*/ dan /*susu*/ hanya ditemui di daerah Hulu Perak sahaja.

Kehadiran pelbagai varian bagi leksikal [menyusu] di kedua-dua daerah ini memperlihatkan berlakunya kerencaman varian di kawasan tersebut. Di mana, bagi leksikal /*ɲusu*/ dan /*məɲusu*/ memperlihatkan kawasan Hulu Perak menggunakan sepenuhnya (100%) leksikal tersebut tetapi kawasan Larut Matang Selama menunjukkan penggunaan 75% dan 50% sahaja bagi merujuk kepada leksikal [menyusu]. Manakala, bagi leksikal /*baɣiteʔ*/ dan /*məneteʔ*/ hanya sebahagian (50%) Hulu Perak sahaja menggunakan leksikal tersebut. Begitu juga di Larut Matang Selama yang kurang menggunakan leksikal tersebut iaitu dengan peratusan sebanyak 25% bagi kedua-dua leksikal itu. Namun begitu, didapati leksikal /*nenən*/ dan /*susu*/ hanya hadir penggunaannya di Hulu Perak sahaja iaitu dengan peratusan sebanyak 25% bagi leksikal tersebut. Kemunculan pelbagai varian bagi leksikal [menyusu] memperlihatkan pengaruh sosial seperti media massa dan pendidikan yang berperanan mempengaruhi penutur di kawasan Perak Utara dalam menuturkan leksikal [menyusu]. Maka disebabkan itu munculnya pelbagai varian bagi satu-satu leksikal di kawasan kajian.

Peralihan leksikal [air]

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, didapati leksikal air mengalami peralihan di mana generasi muda lebih cenderung menggunakan leksikal yang bersifat standard seperti /*air*/ berbanding /*ajɔ*/ di kedua-dua daerah Larut Matang Selama dan Hulu Perak. Keadaan ini berlaku apabila generasi muda tidak lagi ingin menggunakan leksikal tersebut. Ini kerana generasi mudayang majoritinya berpendidikan telah terpengaruh dengan bahasa standard yang digunakan di sekolah dan juga televisyen. Hal ini berbeza dengan generasi tua yang mana lebih mengekalkan identiti mereka dengan mengekalkan penggunaan /*ajɔ*/ bagi merujuk kepada [air]. Jadual tiga (3) dan empat (4) di bawah memaparkan varian yang digunakan oleh generasi tua dan muda di Larut Matang Selama dan Hulu Perak.

Jadual 3. Varian leksikal *air* bagi generasi tua


Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- <i>ɛ</i>	25%	50%
L2- <i>ajɔ</i>	25%	25%
L3- <i>ajɑʔ</i>	50%	0%
L4- <i>ae</i>	25%	75%
L5- <i>ajɛ</i>	0%	50%
L6- <i>aje</i>	0%	25%

Jadual 4. Varian leksikal *air* bagi generasi muda


Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- ϵ	25%	25%
L2-ae	25%	25%
L3- air	25%	50%
L4- aj	25%	0%
L5- aj α	25%	0%
L6- aj ϵ	0%	25%
L7- aje	0%	50%

Kehadiran penggunaan leksikal /air/ dan /aj/ bagi generasi muda jelas memperlihatkan berlakunya peralihan. Buktinya, sebahagian besar generasi muda di Hulu Perak menuturkan leksikal /air/ iaitu dengan peratusan sebanyak 50%. Manakala, di Larut Matang dan Selama generasi mudanya menggunakan leksikal /air/ dan /aj/ bagi merujuk kepada [air] dengan peratusan sebanyak 25% bagi kedua-dua leksikal tersebut. Namun, leksikal /aj α / tidak ditemui penggunaannya dalam kalangan generasi muda bagi kedua-dua daerah kajian. Ini kerana generasi muda telah terdedah dengan pengucapan standard yang kebanyakan orang ramai menggunakan leksikal itu.

Di sini dilampirkan peta penyebaran varian [air] mengikut generasi iaitu generasi tua dan muda yang dapat menjelaskan lagi pola peralihan bagi leksikal [air] di kawasan Perak Utara.



Peta 3. Taburan leksikal *air* generasi tua



Peta 4. Taburan leksikal *air* generasi muda

Peralihan leksikal [menyusu]

Bagi leksikal [menyusu] pula didapati jelas memperlihatkan berlakunya peralihan. Hal ini terbukti apabila hanya generasi tua sahaja menggunakan leksikal /baɣite?/ dan /mənete?/ iaitu dengan peratusan sebanyak 25% di Larut Matang Selama dan 50% di Hulu Perak bagi kedua-dua leksikal tersebut. Manakala, leksikal /ɲusu/ juga turut ditemui di Perak Utara. Generasi tua yang ramai menuturkan leksikal /ɲusu/ adalah di Larut Matang Selama iaitu

sebanyak 75% dan 25% sahaja di Hulu Perak. Jadual di bawah menunjukkan peratusan varian leksikal [menyusu] yang digunakan oleh generasi tua di kawasan Perak Utara.

Jadual 5. Varian leksikal menyusu bagi generasi tua


Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- baqiteʔ	1. 25%	2. 50%
L2- ʔusu	3. 75%	4. 25%
L3- məneteʔ	5. 25%	6. 50%

Berbeza dengan generasi tua, generasi muda lebih memperlihatkan pemilihan leksikal yang bersifat baku dan standard. Di sini tidak lagi ditemui leksikal /baqiteʔ/ dan /məneteʔ/ seperti yang digunakan oleh generasi tua. Kebanyakan generasi muda tidak mahu menggunakan leksikal tersebut kerana beranggapan ianya memalukan. Buktinya, leksikal /ʔusu/ yang dituturkan di Larut Matang Selama adalah sebanyak 50% dan Hulu Perak sebanyak 75%. Leksikal /susu/ pula adalah sebanyak 25% yang ditemui di kedua-dua daerah di Perak Utara. Manakala, leksikal /məʔusu/ didapati digunakan 100% oleh generasi muda di Hulu Perak dan sebahagian sahaja iaitu 50% di Larut Matang dan Selama. Selain itu, ditemui juga leksikal baru iaitu /nenən/ bagi merujuk kepada /menyusu/. Leksikal ini hanya ditemui di kalangan generasi muda yang tinggal di daerah Hulu Perak sahaja iaitu dengan peratusan sebanyak 25% penuturnya. Jadual di bawah jelas mempamerkan peralihan leksikal [menyusu] yang berlaku di Perak Utara dalam kalangan generasi muda.


Jadual 6. Varian leksikal menyusu bagi generasi muda

Leksikal	Larut Matang dan Selama	Hulu Perak
L1- ʔusu	50%	75%
L2- susu	25%	25%
L3- məʔusu	50%	100%
L4- nenən	0%	25%

Fenomena peralihan leksikal [menyusu] di Perak Utara jelas memperlihatkan perbezaan yang ketara dalam pemilihan leksikal di antara generasi tua dan generasi muda. Keadaan ini dapat dilihat apabila terhasilnya peta taburan varian leksikal [menyusu] seperti peta di bawah:



Peta 5. Taburan leksikal 'menyusu' bagi generasi tua



Peta 6. Taburan leksikal menyusu bagi generasi muda

5. Kesimpulan

Kajian yang melibatkan pendekatan pelbagai disiplin dilihat menjadi lebih popular sejak akhir-akhir ini. GIS sebelum ini sangat terhad kepada bidang geografi tetapi kini telah digunakan secara meluas dalam bidang lain termasuklah bidang bahasa khususnya dialektologi. Penelitian terhadap leksikal [air] dan [menyusu] di kawasan Perak Utara jelas membuktikan bahawa GIS dapat membantu menghasilkan peta *choropleth* bagi memperlihatkan pola penipisan leksikal yang berlaku.

Fenomena peralihan leksikal ini dilihat begitu ketara berlaku di Perak Utara terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor geografi seperti bentuk muka bumi dan penempatan, faktor sosial seperti migrasi, demografi, perkahwinan, pendidikan, faktor sosioekonomi dan juga sikap penutur itu

sendiri. Faktor-faktor ini merupakan pencetus utama kepada berlakunya penipisan dialek yang seterusnya boleh membawa kepada kepupusan dialek di Perak Utara.

Rujukan

- Ajib Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. 1993. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohardi. 1979. *Dialektologi : sebuah pengantar*. Jakarta : Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Cheewinsiriwat, P. 2011. The use of GIS in exploring settlement patterns of the ethnic groups in Nan, Thailand. Dlm. *The Asian Conference on Arts and Humanities Official Conference Proceedings 2011*, Osaka, Japan.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1969/70. *Sistem bunyi dialek Rawa yang dituturkan dalam daerah Gopeng, Perak*. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Hussein. 1973. The Malay Dialects in The Malay Paninsular. Dlm. *Nusantara*, Bil.3:63-79.
- M. Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2011. Sketsa Dialek Melayu Pahang. *Jurnal Linguistik*12:147-163
- Mario, A. P. & Gaynor, F. 1960. *A dictionary of linguistik*. New Jersey : Adam & co.
- Meillet, A. 1967. *Comparative Method in Historical Linguistics*. Evanston: Adler's Foreign Books.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar. 2013. Lexical variation and distribution in Perak Malay: a gis approach. Paper presented at *Southeast Asian Linguistics Conference*, Bangkok 29-31 May.
- Nuwairi. 2003. Dialek: taburannya di negeri Perak daripada perspektif dialektologi. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil.13:88-99.
- Onishi, T. 2010. Analyzing dialectological distributions of Japanese. Dlm. *Dialectologia, Special issue I*, 123-135.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. Dlm. *Jurnal Bahasa*. 3(4):588-606. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2013. Peninggian Vokal Dialek Sarawak. *Jurnal Linguistik*17(1):1-9.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabath, K. 2011a. A GIS-Based Approach For Dialect Boundary Studies. Dlm. *Dialectologia*6(2011), 55-75.
- Teerarojanarat, S. & Tingsabath, K. 2011b. Using GIS for Linguistic Study: a Case of Dialect Change in the Northeastern Region of Thailand. Dlm. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 21(2011), 362-371.
- Teo Kok Seong. 2000. *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.